



SIRI SEJARAH ISLAM



KHALIFAH

رضي الله عنه

ABU BAKAR

FIQH SIASAH KHULAF A' AL-RASYIDIN #1

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada **PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD**

.....

**© FIQH SIASAH KHULAFAH' AL-RASYIDIN:
KHALIFAH ABU BAKAR RA**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, 2022

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-27390-7-4

**Muka Taip Teks: Century Gothic
Saiz Muka Taip: 11**

**Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
No. 9108, Jalan Kerdas 1,
53100 Gombak, Kuala Lumpur
011-20907008
pustakapermataummah@gmail.com**

**Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.
26-28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor
03-8940 5595**



SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

**Ustaz Muhammad Khalil Abdul Hadi
Tuan Syahir Sulaiman
Tuan Mohd Adram Musa**

PENGARAH URUSAN

Abdul Malik Ab Razak

PENGURUS

Muhammad Afiq Awang Bakar

KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN EDITOR

**Maziah Hasan
Ahmad Muhaimin**

JABATAN ARKIB & PENYELIDIKAN

Tasneem Zainol

JABATAN PEMASARAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

**JABATAN JUALAN & HUBUNGAN
PELANGGAN**

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salahin

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM

Nur Hafizah Ibrahim

JABATAN PENTADBIRAN

Siti Nurul Afiqah Szali


ILUSTRATOR

Abdul Latif A. Aziz





SIRI SEJARAH ISLAM



رضي الله عنه

KHALIFAH

ABU BAKAR

FIQH SIAH KHULAFAH' AL-RASYIDIN #1



PUSTAKA PERDANA



1013309

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT	VII
PRAKATA	X
MUQADDIMAH	I
BAHAGIAN 1: PELANTIKAN KHALIFAH ABU BAKAR RA	6
Kewajipan Menegakkan Khilafah Selepas Kewafatan Rasulullah SAW	7
Pengenalan Saidina Abu Bakar RA	28
Rumusan Pelantikan Khalifah	34
BAHAGIAN 2: SISTEM & DASAR Pemerintahan Khalifah ABU BAKAR RA	45
Dasar Pemerintahan	46
Sistem Pemerintahan	63
Peruntukan Kewangan Bagi Khalifah	78
BAHAGIAN 3: LANGKAH STRATEGIK Pemerintahan Khalifah Abu Bakar RA	84
Mengorak Langkah Pertama	85
Mengukuhkan Saf Dalaman	87
Mendepani Musuh Luar	90 ⁱ
Menghadapi Golongan Murtad	106

Kebijaksanaan Berhadapan Golongan Murtad	127
Mempertahankan Madinah	137

BAHAGIAN 4: GERAKAN BERSEPADU MEMERANGI GOLONGAN MURTAD & **143**

Menghapuskan Golongan Murtad Secara Menyeluruh	146
Serangan Pasukan Pertama	167
Serangan Terhadap Bani Tamim	178
Serangan Pasukan Kedua Dan Ketiga	186
Serangan Ke Atas Oman	197
Serangan Ke Atas Bahrain	200
Serangan Ke Atas Yaman	208
Serangan Ke Atas Hadramaut Dan Kindah	221
Kesan Daripada Peristiwa Murtad	227

BAHAGIAN 5: PEMBUKAAN IRAQ **239**

Menghadapi Parsi	241
Penaklukan Iraq	244
Pembukaan Al-Hirah	249
Menawan Uballah	250
Perang Zat Al-Salasil	252
Perang Al-Mazar (Al-Thany)	254
Perang Al-Walajah	255
Peperangan Ullais Dan Penawanan Daerah Amghisyia	257

Penawanan Al-Hirah	259
Pembukaan Al-Anbar	265
Perang 'Ain Al-Tamar	267
Pembukaan Daumah Al-Jandal	270
Perang Al-Husaid	273
Pembukaan Al-Musoyyakh	275
Pertempuran Al-Firadh	277
Pengajaran Daripada Pembebasan Iraq	286

BAHAGIAN 6: PEMBUKAAN SYAM 291

Meneroka Rom Timur (Byzantine)	292
Syura Sebagai Wadah Ijtihad	297
Kerahan Penduduk Yaman	308
Membentuk Pasukan	314
Tindak Balas Rom	348
Tindakan Tentera Islam	350
Tentera Tambahan	354
Pertempuran Ajnadin	363
Peperangan Yarmuk	365
Ketibaan Tentera Rom	371
Pengajaran Daripada Pembukaan Syam	386

**BAHAGIAN 7: KETOKOHAN PARA SAHABAT
FAKTOR KEMENANGAN ISLAM 392**

Keberanian Pedang Allah Khalid bin al-Walid RA	393
Karamah Al-'Ala` Bin Al-Hadrami RA	395
Kepatuhan Dan Keikhlasan Al-Muthanna	397
Keberkatan Mimpi Syurahbil Bin Hasanah RA	399

**BAHAGIAN 8: PELANTIKAN SAIDINA 'UMAR
RA SEBAGAI KHALIFAH 408**

Pelantikan Saidina 'Umar RA	409
-----------------------------	-----

**BAHAGIAN 9: KEWAFATAN KHALIFAH
ABU BAKAR RA 420**

Kewafatan Khalifah Abu Bakar RA	421
Jasa-Jasa Besar Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq RA	424

PENUTUP 428

BIODATA PENULIS 409

KATA PENERBIT

Segala puji bagi Allah Azza wa Jalla, Tuhan yang menciptakan alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang diutuskan menyampaikan rahmat kepada sekalian alam. Tidak terkecuali selawat dan salam ke atas ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikuti petunjuk dan pedoman Baginda Nabi SAW.

Peristiwa pemilihan Abu Bakar RA sebagai Khalifah yang pertama menunjukkan kepentingan *siyasah syar'iyah* dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Berbeza dengan fahaman penganut agama dan ideologi lain, urusan politik dalam Islam tidak boleh dipisahkan daripada agama. Malah, kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain. Kata Imam al-Ghazali RH:

الدين أس والسلطان حارس وما لا أس له فمهدوم وما
لا حارس له فضائع

"Agama ialah asas sedangkan pemerintah sebagai pengawalanya. Apa-apa yang tidak mempunyai asas nescaya akan runtuh dan apa-apa yang tiada pengawalanya akan menjadi hilang."

Abu Hamid al-Ghazali, al-Iqtisad fi al-I'itqad, ms. 293

Prinsip inilah yang dipegang oleh Khalifah Abu Bakar RA semasa pemerintahannya bagi melangsungkan kepimpinan Rasulullah SAW. Ketika itu, wujud permasalahan baharu yang menuntut kepada ketokohan ilmu dan kewibawaan Abu Bakar RA dalam memimpin politik umat Islam.

Oleh sebab itu, umat Islam khususnya di negara ini haruslah mengambil manfaat dan menggali mutiara ilmu daripada sejarah kepimpinan para Khulafa' al-Rasyidin, generasi keemasan yang berjuang menyebarkan Islam dan menjadi teladan buat seluruh umat. Perjuangan mereka berdasarkan semangat jihad mempamerkan kehebatan Islam pada suatu masa dahulu.

Justeru, bagi menyedarkan umat Islam akan pentingnya ilmu dan pengalaman politik generasi awal Islam, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menghidangkan karya besar ini. Beliau tidak pernah lekang menjadikan sirah dan sejarah sebagai asas memahami politik yang rencam. Ia sesuai dengan ketokohan beliau sebagai seorang ahli politik dan ulama' negarawan.

Antara tema besar yang diangkat dalam buku ini ialah kerangka dan dasar-dasar pemerintahan Islam serta strategi dan pendekatan politik yang diambil oleh Saidina Abu Bakar RA sewaktu pemerintahannya. Setiap fasa penceritaan, penulis mengemukakan pengajaran yang sangat berharga untuk kita semua.

Oleh itu, besarlah harapan daripada pihak kami agar hasil tulisan kali ini dapat memberikan pencerahan secara menyeluruh kepada para pendukung politik Islam dan mereka yang berminat untuk mengikuti perjalanan hidup para sahabat, khususnya Khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA. Nantikan siri seterusnya Fiqh Siasah Khulafa' al-Rasyidin yang akan disajikan kepada para pembaca kelak.

Pustaka Permata Ummah

PRAKATA

الحمد لله الذي هدانا لهذا وما كنا لنهتدي لولا أن هدانا الله، شهد الله أنه لا إله إلا هو والملائكة وأولو العلم قائما بالقسط، وأنا أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله، والصلاة والسلام على رسول الله، وعلى آله وصحبه ومن والاه. أما بعد:

Dengan penuh tawadhu' dan beban amanah ilmu yang dipikul, maka saya tunaikan permintaan agar disambung penulisan saya bertajuk, *Fiqh al-Harakah daripada Sirah Nabawiyyah*, dengan pembentangan *Fiqh Siasah daripada Sejarah Para Khulafa' al-Rasyidin*.

Pemimpin yang dilahirkan dalam kalangan generasi awal daripada Madrasah Rasulullah SAW yang mengajar bahawa peranan manusia untuk memakmurkan dunia ini, hendaklah bermula dengan pembangunan insan mengikut acuan Allah pencipta alam. Inilah rahsia kejayaan Islam, walaupun penganutnya mengalami kelemahan pada zaman mutakhir, kerana mereka meninggalkan ajaran Islam yang sempurna, dengan pelaksanaannya yang tidak sempurna.

Sesungguhnya, suatu perkara yang sangat hebat apabila generasi awal yang lahir di tengah-tengah padang pasir Semenanjung Tanah Arab yang kering kontang dan jauh dari negara bertamadun serta penganut agama Samawi yang masih ada, berjaya memikul tugas yang besar ini apabila Tamadun Islam tetap menjadi rujukan Tamadun Barat yang dibanggakan hari ini.

Keadaan itu berbeza dengan kegagalan agama dan ideologi-ideologi lain yang telah melahirkan krisis alam masa kini. Apa yang berlaku sebenarnya bukan sahaja krisis

ekonomi sebagaimana yang dihebohkan, bahkan ternyata krisis dalam segala aspek roh dan jasad, individu, keluarga dan masyarakat.

Begitu juga krisis politik tempatan dan antarabangsa, sehingga meruntuhkan negara besar yang menganut ideologi Komunisme bersama semua mazhabnya. Kini, lebih nyata pula tanda-tanda bermulanya saat keruntuhan kuasa besar Liberal Kapitalisme dan negara yang menjadi penganutnya. Sebelum ini, telah berlaku kekosongan gereja dan rumah-rumah ibadat, sedangkan masjid kembali makmur.

Kerajaan Islam yang diasaskan oleh Rasulullah SAW dapat bertahan selepas kewafatan Baginda selama empat belas abad lamanya. Bermula dengan negara pertama di Kota Madinah, berakhir dengan kejatuhan Khilafah 'Uthmaniyyah pada abad yang lalu.

Adapun kekuasaan yang tertegak kemudiannya menggantikan kekuasaan Islam, telah menunjukkan kerapuhan sebelum mencapai tempoh usia satu abad.

Sebenarnya, Islam tidak mati dengan kewafatan Rasulullah SAW, bahkan al-Quran yang menjadi petunjuk buat manusia tetap terpelihara dengan jaminan Allah SWT yang benar. Ia bukanlah terpelihara semata-mata melalui tulisan dan hafazan, bahkan sebenarnya melalui mukjizat ilmu.

Pendukungnya tetap ada, sama ada wujud dengan negara yang berdaulat ataupun negara Islam itu dihilangkan, namun cahaya Islam tidak boleh dipadamkan dan pendukungnya sama sekali tidak dapat dikalahkan. Dengan perkataan lain, Islam tidak hilang di dunia sehingga akhirat.

Gejala murtad berlaku ketika dan selepas wafatnya Rasulullah SAW. Pada masa yang sama, bala tentera kuasa besar timur dan barat yang mengepung Islam dari segenap penjuru, gagal menjatuhkan kerajaan Islam serta menghapuskan agama ini, walaupun Rasulullah SAW telah wafat.

Para Khulafa' al-Rasyidin RA dan generasi awal sangat besar jasanya lagi hebat, kerana mendapat tarbiah secara langsung daripada Rasulullah SAW, mewajibkan kita mengambil teladan daripada mereka. Pada zaman keemasan para khulafa', Islam telah berkembang ke segenap penjuru dunia, mengIslamkan manusia, ilmu dan tamadun tanpa sebarang paksaan.

Mereka bertapak atas dasar Islam yang kukuh dengan istiqamah dan mengolah kebijaksanaan manusia daripada pelbagai bangsa, agama, budaya, masa, tempat dan situasi serta menolak unsur yang sesat dan buruk tanpa paksaan.

Selain itu, mereka juga berjaya memimpin manusia ke arah meneroka dunia sehingga akhirat, bukan menjajah negara. Hal ini demikian kerana, mereka berpaksikan tauhid secara aqidah yang benar, syariat yang adil dan akhlak yang mulia. Ini menjadikan manusia benar-benar mengecapi erti merdeka daripada segala belenggu kehidupan dari sudut roh dan jasad, individu dan masyarakat, serta politik dan ekonomi.

Peranan para Khulafa' al-Rasyidin RA yang dikelilingi oleh para sahabat yang masih hidup, menjadikan zaman itu masih murni, sehingga tetap menjadi warisan utuh daripada Rasulullah SAW.

Era tersebut melahirkan kepimpinan Ulul Amri terdiri daripada para khulafa', umara' dan ulama' yang hebat dalam melaksanakan kesyumulan Islam, melaksanakan nas yang terpelihara daripada al-Quran dan al-Sunnah serta ijtihad dalam perkara yang tiada nas.

Begitu juga melalui pelaksanaan syura yang melibatkan hak rakyat mengikut batas-batas yang tidak ditembusi kelemahan manusia sebagaimana yang berlaku dalam teori kenegaraan ciptaan manusia semata-mata.

Perkara itu membezakan Islam dengan negara teokrasi yang dikuasai oleh para paderi dan sami, negara diktator secara individu atau kumpulan dan demokrasi sekular Barat yang liberal tanpa batas fitrah dan akal.

Abdullah bin Mas'ud RA menegaskan:

مَنْ كَانَ مِنْكُمْ مُسْتَتًّا فَلَيْسَتْ بِمَنْ مَاتَ فَإِنَّ الْحَيَّ لَا تُؤْمَنُ عَلَيْهِ
الْفِتْنَةُ.

"Sesiapa yang menginginkan pengajaran, maka ambillah daripada orang yang sudah meninggal dunia, kerana mereka telah mengakhiri kehidupan. Maka sesungguhnya, orang yang masih hidup belum lagi dapat ditentukan kejayaannya dalam menghadapi ujian hidup."

Riwayat al-Tabrani dalam Mu'jam al-Kabir, jld. 9, ms. 152 dan Abu Nu'aim dalam Hilyah al-Awliya', jld. 1, ms. 136

Para Khulafa' al-Rasyidin telah membuktikan kejayaan mereka beristiqamah pada zaman paling mencabar sehingga akhir hayat mereka, ditambah dengan pesanan Rasulullah SAW:

فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، وَعُضُّوا عَلَيْهَا
بِالنَّوَاجِدِ.

"Kalian hendaklah berpegang dengan ajaranku dan para Khulafa' al-Rasyidin selepasku, berpeganglah dengan seteguh-teguhnyanya."

Riwayat al-Tirmizi 2676, Abu Dawud 4607, Ibn Majah 44 dan lain-lain

Dan sabda Rasulullah SAW:

خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي.

"Sebaik-baik abad ialah abadku (zaman salaf)."

Riwayat al-Bukhari 2652 dan Muslim 2533

Sebenarnya, pembaharuan dalam teori demokrasi moden ciptaan Barat dengan gerakan pembaharuan daripada demokrasi purba, lebih banyak dipengaruhi oleh penulisan ilmu pemerintahan dalam kitab-kitab fiqh Islam dan percampuran hubungan ilmuwan, perdagangan, peperangan dan penjajahan.

Malangnya, pengambilan berlaku dengan cara tidak sempurna dan tidak amanah, apabila mereka membuang aspek aqidah dan rohani daripada fiqh urusan duniawi kerana fahaman sekular yang dianuti oleh mereka.

Mudah-mudahan, sumbangan penulisan yang kecil ini menyuburkan kebangkitan semula Islam, mencetuskan kesedaran yang berfaedah dan menghilangkan kekeliruan terhadap Islam. Dengan harapan, tulisan ini menjadi amal soleh kepada penulis dan para pembaca, serta dikurniakan fadilat kepada kedua-dua ibu bapa dan para guru yang berjasa mendidik diri penulis.

Al-Faqir ila Allah,

ABDUL HADI AWANG

Masjid Rusila,

Marang, Terengganu Darul Iman.

MUQADDIMAH

Para sahabat RA menerima berita kewafatan Rasulullah SAW dengan penuh rasa sedih dan pilu yang amat, kerana kecintaan mereka kepada Baginda SAW melebihi kecintaan kepada diri sendiri, ibu bapa dan keluarga yang tersayang. Itulah kemanisan iman yang dikecapi oleh mereka, kerana kecintaan kepada Rasulullah SAW adalah sebahagian daripada iman yang sangat penting.

Generasi sahabat RA membuktikan kecintaan mereka ketika bersama Rasulullah SAW pada waktu susah dan senang, serta dalam keadaan aman dan perang, sehingga mereka mementingkan keselamatan diri Rasulullah SAW melebihi segala kepentingan diri mereka sendiri.

Kewafatan Baginda SAW diterima dengan pelbagai perilaku yang menggambarkan kesedihan mereka. Seluruh keluarga Baginda yakni Ahlul Bait, *Ummahat al-Mu'minin* (para isteri Baginda SAW), anak menantu, bapa dan ibu saudara serta keluarga yang terdekat menghadapinya dalam keadaan yang sangat sedih.

Manakala dalam kalangan para sahabat, terdapat mereka yang tidak tahu untuk berbuat apa-apa kerana masih kebingungan dan kesedihan. Golongan munafiq pula mengambil kesempatan dengan berperanan menjadi gunting dalam lipatan, bahkan ada yang terus murtad daripada agama.

Fitnah murtad itu berlaku apabila terdapat mereka yang menjadi pengikut kepada pembohong-pembohong besar yang mengaku sebagai nabi. Tindakan itu sekali gus menafikan pengisytiharan Allah SWT bahawa Nabi Muhammad SAW ialah Nabi akhir zaman, penutup segala kerasulan dan kenabian, bahawa tiada lagi nabi dan rasul selepasnya.

Selain itu, ada dalam kalangan mereka yang murtad mengambil kesempatan dengan menafikan perintah kewajipan menunaikan zakat terhadap negara dan masyarakat. Mereka membatalkan zakat sebagai sebahagian daripada rukun agama Islam.

Saidina 'Umar bin al-Khattab RA pula menghunus pedang, lalu dengan tegas menyatakan bahawa Rasulullah SAW tidak wafat dan hanya pengsan laksana Nabi Musa AS ketika mengadap Allah SWT. Seheinggakan 'Umar RA mencabar untuk bertindak terhadap sesiapa yang menyatakan Rasulullah SAW telah wafat.

Maka dalam situasi sedemikian, setelah menziarahi Rasulullah SAW di rumah Ummu al-Mu'minin 'Aisyah RA, Abu Bakar RA menunjukkan kehebatannya apabila keluar ke masjid dan terus menyampaikan ucapannya yang terkenal tanpa mempedulikan tindakan 'Umar RA.

Setelah memuji Allah SWT dengan pujian yang layak bagi-Nya, Abu Bakar RA menyampaikan ucapan berikut:

أَلَا مَنْ كَانَ يَعْبُدُ مُحَمَّدًا فَإِنَّ مُحَمَّدًا قَدْ مَاتَ وَمَنْ كَانَ
 يَعْبُدُ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ. وَقَالَ: وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا
 رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ
 أَنْقَلَبْتُمْ عَلَى أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَى عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ
 اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

"Sesungguhnya, sesiapa yang menyembah Muhammad, sebenarnya Muhammad telah mati, dan sesiapa yang menyembah Allah, ketahuilah sebenarnya Allah itu Maha Hidup selama-lamanya, tidak sekali-kali mati."

Seterusnya, Abu Bakar RA menyatakan firman Allah SWT iaitu ayat 144 dalam Surah Ali 'Imran:

"Dan tiadalah Muhammad itu melainkan seorang Rasul, telah berlalu sebelumnya rasul-rasul (yang telah mati). Adakah sekiranya dia mati biasa atau terbunuh, lalu kalian berpusing pendirian (berpaling tadah menjadi murtad), sesiapa yang berpusing pendirian, maka dia tidak akan mendatangkan mudarat sedikit pun kepada Allah, dan Allah tetap mengurniakan ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur."

Riwayat al-Bukhari 3668

Ucapan ini menjadikan 'Umar RA terduduk dengan kesedihan seolah-olah kali pertama mendengar ayat yang diturunkan, padahal ayat tersebut telah diturunkan ketika peristiwa Uhud.

Mereka semua bertenang dengan penuh kesabaran dan kesedaran, serta bersedia menyambung kewajipan untuk menegakkan Islam dengan keimanan dan keyakinan yang sangat kukuh.

Urusan sembahyang jenazah diselesaikan masing-masing secara individu tanpa imam, dimulakan dengan para keluarga Rasulullah SAW, kemudian diikuti para Muhajirin dan Ansar. Seterusnya, urusan pengebumian jasad yang mulia disempurnakan di tempat Baginda mengakhiri hayatnya, iaitu di bilik Ummu al-Mu'minin 'Aisyah RA.

Sebahagian besar para sahabat RA menyertai mesyuarat bagi memilih pengganti Rasulullah SAW. Tugas pengganti (*khalifah*) akan memimpin umat, negara dan dakwah yang berterusan dalam keadaan negara menghadapi ujian dalaman dan musuh luar yang sedang mengepung dari segenap penjuru.

KRONOLOGI & GAMBARAN FIQH SIASAH KHULAFAH AL-RASYIDIN KHALIFAH ABU BAKAR RA

Penerangan tentang konsep pemerintahan Islam selepas wafatnya Rasulullah SAW. Turut dijelaskan keperibadian dan ketokohan yang melayakkan Khalifah Abu Bakar RA menjadi pengganti Baginda SAW dan rumusan daripada pelantikan beliau di Saqifah Bani Sa'idah.

Usaha dan fokus Khalifah Abu Bakar RA bagi melancarkan perjalanan kepimpinan dan mengukuhkan saf umat Islam bagi menghadapi cabaran luaran dan dalaman.

PELANTIKAN KHALIFAH PERTAMA ABU BAKAR RA

LANGKAH STRATEGIK PEMERINTAHAN KHALIFAH ABU BAKAR RA

01

02

03

04

DASAR DAN SISTEM PEMERINTAHAN KHALIFAH ABU BAKAR RA

Memperkenalkan sistem pemerintahan yang diterapkan oleh Abu Bakar RA, termasuklah dasar yang menjadi asas pemerintahan beliau. Selain itu, juga dibahasakan isu peruntukan kewangan kepada Khalifah.

GERAKAN BERSEPADU MEMERANGI GOLONGAN MURTAD & KESAN KEPADA UMAT ISLAM

Strategi Khalifah Abu Bakar RA dalam memerangi golongan murtad yang berhasrat menyerang Kota Madinah dan menghapuskan Islam. Walaupun strategi yang dilaksanakan ini berjaya, ia memberikan kesan kepada umat Islam.

Sebuah kronologi perjalanan menyebarkan Islam kepada Kerajaan Parsi dan strategi menakluk Iraq yang dipimpin oleh Khalifah Abu Bakar RA dan panglima-panglima yang dilantik oleh beliau.

Kisah ketokohan beberapa orang sahabat besar pada zaman Khalifah Abu Bakar RA yang mempunyai keistimewaan sehingga dikurniakan kemuliaan oleh Allah.

Detik penuh hiba ketika menghampiri saat kewafatan Saidina Abu Bakar. Tamatlah riwayat seorang sahabat utama Rasulullah yang mempunyai jasa dan sumbangan yang besar sebagai khalifah pertama yang menggantikan Baginda.

PEMBUKAAN IRAQ

KETOKOHAN PARA SAHABAT, FAKTOR KEMENANGAN ISLAM

KEWAFATAN ABU BAKAR

05 - 06 - 07 - 08 - 09

PEMBUKAAN SYAM

PELANTIKAN 'UMAR SEBAGAI KHALIFAH

Penerusan agenda pembukaan Islam oleh Khalifah Abu Bakar AS walaupun terpaksa menghadapi tentera Rom yang besar. Terserlah kepimpinan khalifah dalam memastikan kemenangan Islam walaupun menghadapi cabaran getir dalam menguruskan tentera Islam bagi menghadapi musuh yang besar.

Kronologi perantikan 'Umar al Khattab sebagai Kh 'if h al-Rasyidin kedua. Bagaimana Khalifah Abu Bakar RA sendiri yang mencadangkan pengganti beliau kepada para sahabat ketika beliau semakin uzur.

BAHAGIAN 1
PELANTIKAN
KHALIFAH
ABU BAKAR RA



KEWAJIPAN MENEGAKKAN KHILAFAH SELEPAS KEWAFATAN RASULULLAH SAW

Selain daripada kewajipan beribadat, manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan tujuan menjadi khalifah di bumi. Perkara ini dinyatakan-Nya kepada para malaikat. Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: 'Sesungguhnya, Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.' Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu) dengan berkata: 'Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan menyucikan-Mu?' Tuhan berfirman: 'Sesungguhnya, Aku mengetahui akan apa yang kalian tidak mengetahuinya.'"

Surah al-Baqarah: 30

Rasulullah SAW menjelaskan makna ayat di atas melalui sabda Baginda:

كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسُوسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ، كُلَّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ خَلَفَهُ نَبِيٌّ، وَإِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي، وَسَيَكُونُ خُلَفَاءُ فَيَكْثُرُونَ. قَالُوا: فَمَا تَأْمُرُنَا؟ قَالَ: فُؤَا بَيْعَةِ الْأَوَّلِ فَالْأَوَّلِ، أَعْطَوْهُمْ حَقَّهُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ سَأَلَهُمْ عَمَّا اسْتَرَعَاهُمْ.

"Kaum Bani Isra'il pada zaman dahulu, pemimpin siasah (politik) mereka ialah para anbiya'. Setiap nabi wafat digantikan nabi selepasnya. Tiada lagi nabi selepasku (Muhammad SAW), namun adanya para khalifah (pemimpin dalam kalangan umatku). Jumlah mereka ramai." Mereka (para sahabat) bertanya, "Maka, apakah perintahmu kepada kami (yang wajib kami lakukan)?" Sabdanya: "Tunaikan yang pertama dilakukan baiah dan yang berikutnya. Berikan hak yang wajib ditunaikan terhadap mereka. (Sebenarnya) Allah akan menyoal mereka (pada Hari Kiamat nanti) daripada apa sahaja kewajipan yang diwajibkan supaya mereka menunaikannya."

Riwayat al-Bukhari 3455 dan Muslim 1842

Khilafah ialah kewajipan menegakkan al-din dan siasah dunia (mentadbir urusan dunia dengan agama), atau disebut dengan kewajipan berpolitik. Kewajipan ini dilaksanakan oleh para Rasul AS sejak Nabi Adam AS sehinggalah Rasul akhir zaman Nabi Muhammad SAW.

TUGAS  Beribadat

MANUSIA  Berkhalifah إقامة الدين وسياسة الدنيا به

Menegakkan agama & mentadbir urusan dunia dengan agama.

Para anbiya' berdakwah dan berpolitik, dengan tujuan mengajak manusia kepada Islam yang menyeluruh dan sempurna merangkumi aspek aqidah, syariat, akhlak dan pemerintahan dalam mendaulatkan ajaran Islam.

Para Rasul AS bukan sahaja berdakwah menyeru manusia kepada agama Allah SWT, mereka juga menyeru kerajaan-kerajaan, raja-raja dan golongan *al-mala'* (para pemimpin) pada zaman masing-masing supaya menganut Islam dan mentadbir negara dengannya. Seheinggakan para Rasul itu sendiri menjadi khalifah atau raja, kerana kebiasaan mereka yang zalim tidak menerima seruan para Rasul.

Rasulullah SAW telah melaksanakan kewajipan berpolitik secara amali, apabila menolak tawaran menjadi raja dan pemimpin yang ditawarkan oleh pemimpin jahiliah Makkah. Baginda SAW menolak tawaran itu kerana para Musyrikin terlebih dahulu menolak Islam menjadi agama yang memerintah.

Sebaliknya, Rasulullah SAW berdakwah dan berjihad menghadapi segala kepayahan. Pada masa yang sama, Baginda SAW turut mengorbankan harta dan jiwa raga sehingga berhijrah ke Madinah bagi menunaikan kewajipan mendirikan sebuah negara.

Setelah penduduk Madinah menerima Islam dengan pengertian yang sempurna, Baginda SAW tetap meneruskan kewajipan berjihad yang lebih mencabar. Tugas berjihad berterusan walaupun Rasulullah SAW telah wafat. Inilah yang dilangsungkan oleh para Khulafa' al-Rasyidin RA.

Perjuangan dalam menegakkan sebuah pemerintahan Islam, akan menghadapi beberapa peringkat cabaran sebagaimana Rasulullah SAW telah menegaskan dalam sebuah hadis:

تَكُونُ النَّبُوءَةُ فِيكُمْ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ

3 FAKTA MENARIK MENGENAI BUKU INI

- Memaparkan sejarah perjalanan hidup Khalifah Abu Bakar RA khususnya peranan dan sumbangan beliau dalam melangsungkan pemerintahan Islam pasca kewafatan Rasulullah SAW sebagai Khalifah yang pertama.
- Memberikan gambaran bentuk pentadbiran, dasar dan strategi politik yang diterapkan oleh Khalifah Abu Bakar RA sepanjang pemerintahannya.
- Menghidangkan sejumlah pengajaran daripada pelbagai cabaran dan halangan yang dihadapi oleh Khalifah Abu Bakar RA dalam menegakkan sebuah pemerintahan Islam.

“SEJARAH PEMERINTAHAN SAIDINA ABU BAKAR RA MENGANDUNGI BANYAK PENGAJARAN DAN PANDUAN YANG SANGAT PENTING KEPADA SELURUH UMAT ISLAM HARI INI. UMAT ISLAM WAJAR MENELADANI KEPIMPINAN KHULAFA' AL-RASYIDIN KERANA MEREKA TELAH DITARBIAH OLEH RASULULLAH SAW SECARA LANGSUNG.”



SEM. MALAYSIA :RM 80
SABAH SARAWAK :RM 82

ISBN 978-967-273-907-4



9 789672 739074

